

**PENGALAMAN TAHUN PERTAMA PELAJAR  
ANTARABANGSA DI UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH (UMS)**



**HASBULLAH BIN AWANG**  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**PENGALAMAN TAHUN PERTAMA PELAJAR  
ANTARABANGSA DI UNIVERSITI  
MALAYSIA SABAH (UMS)**

**HASBULLAH BIN AWANG**



**UMS**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGALAMAN TAHUN PERTAMA PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYSI SABAH (UMS)**

IJAZAH : **SARJANA PERNIAGAAN (PERNIAGAAN ANTARABANGSA)**

Saya **HASBULLAH BIN AWANG**, Sesi Pengajian **2016-2020**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda ( / )



TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan oleh,

**HASBULLAH BIN AWANG**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 13 Januari 2020

(Dr. Hajah Irma Wani Haji Othman)  
Penyelia

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

4 Mei 2019

---

Hasbullah Bin Awang  
MG1611001T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **HASBULLAH BIN AWANG**

NO. MATRIK : **MG1611001T**

TAJUK : **PENGALAMAN TAHUN PERTAMA PELAJAR  
ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)**

IJAZAH : **SARJANA PERNIAGAAN (PERNIAGAAN ANTARABANGSA)**

TARIKH VIVA : **20 SEPTEMBER 2019**



2. **PENYELIA BERSAMA**  
Prof. Dr. Hajah Norazah Mohd Suki

Tandatangan

---

## **PENGHARGAAN**

***Alhamdulillah...***

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya tesis ini telah dapat disiapkan. Ucapan syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dianugerahkan kekuatan, semangat, pertolongan dan keyakinan dalam diri ini bagi saya merealisasikan impian untuk menghasilkan sebuah wacana ilmu yang amat bermakna buat diri saya. Tanpa kesabaran, kesungguhan dan iltizam yang tinggi di dalam diri ini, adalah mustahil untuk mencapai impian ini.

Tiada kata-kata yang lebih penting selain ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada penyelia-penyeilia saya Dr. Hajah Irma Wani Haji Othman, Prof. Dr. Hajah Norazah Mohd Suki serta Dr. Sudzin Lada di atas segala bimbingan, teguran, nasihat dan bantuan yang dihulurkan sepanjang tempoh masa tiga semester yang saya lalui untuk menyempurnakan tesis ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu untuk membalas jasa kalian. Tidak dilupakan penghargaan kepada Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Dr. Zaiton Osman, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan di atas peluang yang diberikan.

Seterusnya, terutama sekali mereka yang amat bernilai buat diri saya, tanpa mereka hilanglah sinar kebahagiaan di dunia ini yang ditujukan khas buat keluarga yang sangat disayangi, ayahanda Awang Mail dan bonda Kartina Bakar yang sentiasa merestui dan mendoakan kejayaan anakanda. Kepada semua insan-insan pelengkap di dalam kehidupan ini, terima kasih di atas segala dorongan, sokongan, pengorbanan dan doa yang tidak pernah putus sampai ke hari ini.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Hasbullah Bin Awang

4 Mei 2019

## **ABSTRAK**

Pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa mempengaruhi keputusan mereka untuk meneruskan pengajian di luar negara. Kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pengalaman pertama pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sabah telah dijalankan. Objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh pengalaman tahun pertama dalam membentuk sikap dalam kalangan pelajar antarabangsa; (ii) mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh pengalaman tahun pertama dalam pencapaian akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa; dan (iii) mengkaji penyesuaian persekitaran baharu dalam mewujudkan pengalaman tahun pertama yang bermakna di kalangan pelajar antarabangsa. Temubual mendalam separa berstruktur telah dijalankan dengan 20 responden kajian yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Dapatan kajian memperoleh lima tema (akademik, budaya, kewangan, perkhidmatan universiti dan sosial) untuk menerangkan pengaruh pengalaman tahun pertama dalam membentuk sikap dalam kalangan pelajar antarabangsa. Sementara itu, satu tema (akademik) menerangkan pengaruh pengalaman tahun pertama dalam pencapaian akademik di kalangan pelajar antarabangsa, manakala dua tema (budaya dan perkhidmatan universiti) untuk menerangkan penyesuaian persekitaran baharu dalam mewujudkan pengalaman tahun pertama yang bermakna di kalangan pelajar antarabangsa. Seterusnya, setiap tema dibahagikan kepada beberapa sub-tema yang lain. Antara lainnya juga, kajian ini telah menemui tema baharu yang boleh menyumbang kepada pengkayaan kerangka tarikan dan tolakan Mazzarol dan Soutar (2002) iaitu kejutan budaya dan akses makanan. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa faktor-faktor yang dikenal pasti dalam kajian perlu diambil kira agar universiti tempatan seperti UMS dapat meningkatkan lagi enrolmen pelajar antarabangsa yang berpuas hati dengan pengalaman tahun pertama mereka. Kajian lanjut perlu melibatkan lebih banyak universiti awam dan swasta dengan saiz sampel yang lebih besar untuk memberikan lebih banyak maklumat tentang pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa di negara ini.

## **ABSTRACT**

### **THE FIRST YEAR EXPERIENCE OF INTERNATIONAL STUDENTS AT UNIVERSITY MALAYSIA SABAH (UMS)**

*The first year experience of international students can influence their decision to continue their study abroad. A study on the factors that influence the first year experience of international students who are pursuing their study at Universiti Malaysia Sabah was carried out. The objectives of this study are to: (i) identify whether there is an influence of first year experience on the attitude building among international students; (ii) identify whether there is an influence of first year experience on academic achievement among international students; and (iii) investigate the adjustment to new environment to form meaningful first year experience among international students. Semi-structured in-depth interviews were carried out with 20 respondents who were selected using purposive sampling. Findings of the study yielded five themes (academic, culture, finance, university services and social) to explain the influence of first year experience on the attitude building among international students. Additionally, one theme (academic) was used to explain the influence of first year experience on academic achievement among international students while two themes (culture and university services) were used to explain the adjustment to new environment to form meaningful first year experience among international students. Each of these themes was further divided into other sub-themes. Among them, this study has found new themes that can contribute to enrich the Push and Pull framework of Mazzarol and Soutar (2002) such as culture shock and food access. Findings of this study explained that the identified factors in this study should be considered so that local universities such as UMS can increase the enhancement of international students who are satisfied with their first year experience.*



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ISI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Skop Kajian	12
1.8 Definisi Konsep	12
1.8.1 Pelajar Antarabangsa	12
1.8.2 Pengalaman	12

1.8.3	Penyesuaian Persekutaran	13
1.8.4	Universiti	13
1.9	Pengorganisasian Tesis	13

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Pendefinisan Pelajar Antarabangsa dan Pengalaman Tahun Pertama	15
2.2.1	Pelajar Antarabangsa	15
2.2.2	Pengalaman Tahun Pertama	16
2.3	Kerangka Konseptual	17
2.4	Faktor-Faktor Pendorong Proses Pembuatan Keputusan Pelajar Antarabangsa Meneruskan Pengajian ke Luar Negara	21
2.4.1	Pemilihan Destinasi Pengajian Berdasarkan Faktor Akademik	22
2.4.2	Pemilihan Destinasi Pengajian Berdasarkan Faktor Bahasa dan Komunikasi Negara Tuan Rumah	25
2.4.3	Faktor Budaya Dalam Pemilihan Destinasi Pengajian	26
2.4.4	Faktor Kewangan Dalam Mempengaruhi Pemilihan Destinasi Pengajian	28
2.4.5	Faktor Lokasi Negara Tuan Rumah	30
2.4.6	Penyesuaian Persekutaran	31
2.4.7	Imej Institusi Pengajian Negara Tuan Rumah	32
2.4.8	Cadangan Keluarga dan Rakan-Rakan Dalam Membuat Keputusan Melanjutkan Pengajian di Luar Negara	33
2.4.9	Faktor Rangkaian Sosial Dalam Pemilihan Destinasi Pengajian	33
2.4.10	Jaringan Sosial Dalam Mempengaruhi Keputusan Melanjutkan Pengajian di Luar Negara	34

2.4.11	Masalah Sosial	35
2.5	Kesimpulan	36

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Persampelan Kajian	39
3.3.1	Ciri-ciri Sampel	39
3.3.2	Teknik Persampelan	40
3.3.3	Saiz Sampel	40
3.4	Profil Demografi	41
3.5	Pengumpulan Data	42
3.6	Temu Bual Mendalam	44
3.7	Kajian Rintis	45
3.8	Analisis Data	45
3.9	Jaminan Etika	48
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kajian	49
3.11	Kesimpulan	51

### **BAB 4: DAPATAN ANALISIS**


4.1	Pengenalan	52
4.2	Objektif 1: Mengenal Pasti Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Dalam Membentuk Sikap Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	53
4.2.1	Akademik	53
4.2.2	Budaya	72
4.2.3	Kewangan	84

4.2.4	Perkhidmatan Universiti	91
4.2.5	Sosial	97
4.3	Objektif 2: Mengenal Pasti Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Dalam Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	105
4.3.1	Keupayaan Dalam Penguasaan Bahasa Inggeris	105
4.3.2	Tugasan Berkumpulan	108
4.3.3	Kualiti Pengajaran Ahli Akademik	111
4.4	Objektif 3: Mengkaji Penyesuaian Persekutaran Baharu Dalam Mewujudkan Pengalaman Tahun Pertama Bermakna Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	115
4.4.1	Budaya	115
4.4.2	Perkhidmatan Universiti	124
4.5	Kesimpulan	130
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pengenalan	132
5.2	Rumusan Dapatan Kajian Tentang Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Dalam Membentuk Sikap Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	132
5.2.1	Akademik	133
5.2.2	Budaya	139
5.2.3	Kewangan	140
5.2.4	Perkhidmatan Universiti	142
5.2.5	Sosial	144
5.3	Rumusan Dapatan Kajian Tentang Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Dalam Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	146
5.3.1	Keupayaan Dalam Penguasaan Bahasa Inggeris	146
5.3.2	Tugasan Berkumpulan	147

	5.3.3	Kualiti Pengajaran Ahli Akademik	147
5.4	Rumusan Dapatan Kajian Tentang Penyesuaian Persekutaran Baharu Dalam Mewujudkan Pengalaman Tahun Pertama Bermakna Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa		148
	5.4.1	Budaya	148
	5.4.2	Perkhidmatan Universiti	151
5.5	Limitasi Kajian		152
	5.5.1	Saiz Sampel	152
	5.5.2	Kejujuran Responden Kajian	153
5.6	Sumbangan Terhadap Data Empirikal		154
	5.6.1	Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Dalam Membentuk Sikap Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	155
	5.6.2	Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Dalam Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	157
	5.6.3	Penyesuaian Persekutaran Baharu Dalam Mewujudkan Pengalaman Tahun Pertama yang Bermakna Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	158
5.7	Sumbangan Terhadap Data Teoritikal		158
5.8	Sumbangan Terhadap Literatur Pengurusan Pelajar Antarabangsa		161
	5.8.1	Akademik	162
	5.8.2	Budaya	163
	5.8.3	Kewangan	164
	5.8.4	Perkhidmatan Universiti	165
	5.8.5	Sosial	165
5.9	Hala Tuju Penyelidikan Masa Hadapan		166
5.10	Kesimpulan		167

**RUJUKAN** 169

**LAMPIRAN** 183




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 1.1 : Enrolmen Pelajar Antarabangsa Prasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Dari Tahun 2014 - 2018	6
Jadual 1.2 : Enrolmen Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah Sesi 2009/2010 - 2015/2016 (Februari)	8
Jadual 3.1 : Ciri-Ciri Demografi Bagi Pelajar Antarabangsa Sesi Ambilan 2015/2016	42
Jadual 4.1 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Akademik (Kelebihan dan Kekurangan Belajar di Universiti Malaysia Sabah)	54
Jadual 4.2 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Akademik (Perbezaan Sistem Pendidikan)	58
Jadual 4.3 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Akademik (Silibus Kursus Pengajian)	63
Jadual 4.4 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Akademik (Kepelbagaiuan Program Pengajian)	65
Jadual 4.5 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Akademik (Penguasaan Bahasa Inggeris)	69
Jadual 4.6 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Budaya (Pengalaman Baru)	73
Jadual 4.7 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Budaya (Budaya Institusi Pengajian Tinggi)	76
Jadual 4.8 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Budaya (Melihat Dunia Luar)	80
Jadual 4.9 : Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Kewangan (Sumber Kewangan Daripada Keluarga)	84

Jadual 4.10	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Kewangan (Tajaan Biasiswa)	88
Jadual 4.11	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Perkhidmatan Universiti (Kemudahan Prasarana dan Infrastruktur)	91
Jadual 4.12	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Dari Tema Perkhidmatan Universiti (Pejabat Antarabangsa)	95
Jadual 4.13	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Sosial (Cadangan Ibu Bapa dan Rakan)	98
Jadual 4.14	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Sosial (Pembinaan Integriti Sosial)	100
Jadual 4.15	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Berdasarkan Tema Sosial (Komuniti Tempatan dan Persekutuan Kampus)	103
Jadual 4.16	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Dalam Pencapaian Akademik (Keupayaan Penggunaan Bahasa Inggeris)	106
Jadual 4.17	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Dalam Pencapaian Akademik (Tugasan Berkumpulan)	109
Jadual 4.18	: Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Pelajar Antarabangsa Dalam Pencapaian Akademik (Kualiti Pengajaran Ahli Akademik)	112
Jadual 4.19	: Penyesuaian Persekutuan Baharu Berdasarkan Tema Budaya (Kejutan Budaya)	116
Jadual 4.20	: Penyesuaian Persekutuan Baharu Berdasarkan Tema Budaya (Pengembaraan Memperoleh Pengalaman Baharu)	118
Jadual 4.21	: Penyesuaian Persekutuan Baharu Berdasarkan Tema Budaya (Akses Makanan)	121
Jadual 4.22	: Penyesuaian Persekutuan Baharu Berdasarkan Tema Perkhidmatan Universiti (Kualiti Kemudahan Prasarana dan Infrastruktur Sokongan yang Memuaskan)	125

Jadual 4.23	: Penyesuaian Persekutaran Baharu Berdasarkan Tema Perkhidmatan Universiti (Keselamatan Pelajar Antarabangsa)	127
Jadual 5.1	Aspek yang Memberi Pengaruh Pengalaman Tahun Pertama Dalam Membentuk Sikap Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	133



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

Halaman

- |           |   |  |    |
|-----------|---|--|----|
| Rajah 2.1 | : | Faktor Tolakan dan Faktor Tarikan Mazzarol dan Soutar (2002) | 21 |
|-----------|---|--|----|



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**


<b>IPT</b>	- Institusi Pengajian Tinggi
<b>IPTA</b>	- Institusi Pendidikan Tinggi Awam
<b>IPTS</b>	- Institusi Pengajian Tinggi Swasta
<b>KPM</b>	- Kementerian Pelajaran Malaysia
<b>KPTM</b>	- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
<b>KPT</b>	- Kementerian Pendidikan Tinggi
<b>NKEA</b>	- Bidang Ekonomi Utama Negara
<b>PdP</b>	- Pengajaran dan Pembelajaran
<b>QS</b>	- <i>Quality Standard</i>
<b>RTM</b>	- Radio Televisyen Malaysia
<b>R&amp;D</b>	- Penyelidikan dan Pembangunan
<b>UNESCO</b>	- <i>United Nations Educational Scientific Cultural Organization</i>
<b>UMS</b>	- Universiti Malaysia Sabah
<b>%</b>	- Peratus



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A : Borang Persetujuan	183
Lampiran B : Demografi	184
Lampiran C : Contoh Transkrip	185
Lampiran D : Senarai Penerbitan	195



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini membentangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi konsep dan pengorganisasian tesis. Secara umum, bab yang pertama ini menjelaskan mengenai fokus dan hala tuju kajian berhubung dengan pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah.



#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Penubuhan Institut Pengajian Tinggi di Malaysia sesuai dengan peranannya sebagai gedung ilmu bertujuan untuk membangunkan sahsiah masyarakat bagi melahirkan para cendekiawan, sarjana, ilmuwan dan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam pelbagai bidang ilmu pengajian sekali gus berupaya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam memacu negara ke arah Wawasan 2020, sektor pendidikan telah memainkan peranan penting dalam menjana ekonomi negara dan memperkasa sektor pendidikan di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, sektor pendidikan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPM, 2013) telah dijadikan sebagai salah satu penyumbang kepada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) menerusi Program Transformasi Ekonomi. Di samping itu juga, fenomena globalisasi yang semakin pesat berkembang telah mengubah struktur ekonomi negara ini yang sebelumnya berdasarkan pengeluaran telah beralih kepada ekonomi yang berdasarkan pengetahuan. Justeru itu revolusi pendidikan di seluruh dunia telah memberi impak kepada perlaksanaan dasar pengantarabangsaan yang seterusnya mendesak

berlakunya perubahan landskap dalam Institusi Pengajian Tinggi (IPT) itu sendiri (KPM, 2013).

Landskap pendidikan tinggi negara telah melalui banyak perubahan dalam usaha mengangkat martabat Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia khususnya dan di peringkat antarabangsa secara amnya. Sejajar dengan teras kedua Misi Nasional iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara telah digubal pada tahun 2007 dengan objektif untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa (Liew, 2011). Pengantarabangsaan telah dijadikan salah satu teras strategik pelan tersebut bagi mempertingkatkan keupayaan serta memperkasa bidang pengajian tinggi agar setanding dengan sistem pengajian tinggi terbaik di dunia. Imej serta kualiti pendidikan di lihat sebagai elemen kritikal dalam inisiatif tersebut yang meletakkan kemampuan dan kecemerlangan Malaysia dalam membangunkan sektor pendidikan di negara ini sebagai pusat pendidikan tinggi yang mampu merentasi sempadan (Abd Hair Awang *et al.*, 2012).

Pembangunan Model Ekonomi Baharu telah menggariskan keutamaan kepada sistem pendidikan berkualiti di negara ini bagi melahirkan modal insan kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam meningkatkan daya saing negara melalui golongan minda kelas pertama (KPM, 2012). Justeru itu, kepentingan dan peranan institusi pendidikan tinggi dapat dilihat menerusi Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (2013-2025), yang mana kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM56 Billion melalui peruntukan perbelanjaan negara pada tahun 2015 (KPTM, 2013). Menerusi peruntukan besar tersebut ianya akan membiayai pelbagai program pengajaran dan pembelajaran di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPM, 2013).

Pelbagai persediaan dirangka bagi memastikan Malaysia gah menjadi hab pendidikan yang setanding dengan sistem pendidikan tinggi di negara maju. Antara lainnya, perancangan strategik dan rapi untuk menjadikan Institusi Pengajian

Tinggi sebagai fokus utama dalam menjana, menerapkan dan mengeksplotasi ilmu pengetahuan bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi (KPTM, 2009). Perancangan ini meliputi aspek tadbir urus universiti, penyelidikan dan pembangunan (R&D), kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan modal insan yang mana ianya selaras dengan Misi Nasional bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara (KPM, 2013).

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, sistem pendidikan yang disokong haruslah mempunyai kewajaran bagi memenuhi keperluan dari segi kualiti institusi pengajian tinggi yang berprestij dengan bergerak secara intensif ke arah kompetensi universiti bertaraf antarabangsa. Justeru itu, kecemerlangan Malaysia di peringkat global memerlukan sistem pengajian tinggi yang relevan, berdaya saing serta mampu menyumbang ke arah pembangunan sejagat (Ismail dan Doria, 2012). Perkara ini penting bukan sahaja untuk menghasilkan graduan berkebolehpasaran tetapi mampu menjadi daya penarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di Malaysia (Suryandani, Jaafar dan Hamzah, 2014).

Dalam usaha mempergiatkan pengantarabangsaan pengajian tinggi, pelbagai usaha telah dijalankan termasuklah (i) penambahan bilangan pelajar antarabangsa, (ii) perluasan penawaran program pengajian kepada pelajar antarabangsa dan (iii) penjenamaan semula Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam mencapai sasaran enrolment pelajar antarabangsa sebanyak 200,000 orang menjelang tahun 2020 (Mohamad, 2009). Fasa pertama dalam pelaksanaan pelan strategik pengajian tinggi negara dalam mempergiat pengantarabangsaan lebih tertumpu kepada peletakan asas dalam menarik kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia (KPTM, 2011). Kesinambungan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RM10) bagi tempoh (2011-2015) di mana pelan strategik pengajian tinggi negara fasa kedua telah diperkenalkan bagi memperkuuh dan memperkasakan sektor pengajian tinggi negara dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi pilihan utama pelajar antarabangsa serta meningkatkan jaringan antarabangsa menjelang tahun 2020 (Arokiasamy, 2012).

Antara strategi yang digariskan termasuklah: (i) Meningkatkan keterlihatan (*visibility*) sektor pengajian tinggi Malaysia di luar negara, (ii) Mendapatkan pengiktirafan antarabangsa menerusi kualiti sektor pengajian tinggi Malaysia (iii) Memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dengan menggalakkan penyertaan pelajar di Institut Pengajian Tinggi tempatan dalam program mobiliti *outbound*, (iv) Memperkayakan pengalaman antarabangsa melalui pengambilan staf akademik antarabangsa dan (v) Meningkatkan pengalaman positif pelajar antarabangsa dengan menggalakkan interaksi sosial di kalangan pelajar antarabangsa dan komuniti tempatan (KPTM, 2011). Ini bukan sahaja berupaya memanfaatkan pelajar tempatan dari segi pendedahan dan pembangunan minda yang lebih terbuka dan bersifat global, malah usaha ini juga dapat membantu dalam memenuhi aspirasi negara sebagai pusat kecemerlangan akademik di arena antarabangsa (Liew, 2011).

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia merupakan antara negara yang menjadi pilihan destinasi untuk melanjutkan pengajian dalam kalangan pelajar antarabangsa (Hassan, 2008). Isu kestabilan politik, kualiti pendidikan berkualiti tinggi, yuran pengajian berpatutan, kepelbagaiannya budaya serta masyarakat yang hidup aman sejahtera merupakan faktor pendorong kepada pelajar antarabangsa untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian (Azizah *et al.*, 2011). Sebagai contoh, Universiti Malaysia Sabah secara khususnya merupakan salah sebuah universiti yang berstatus komprehensif yang boleh dikaitkan dengan kehadiran pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di negara ini. Perkara tersebut dapat di lihat secara jelas melalui enrolment kehadiran pelajar dari tahun 2009 sehingga 2016 yang berjumlah seramai 1,069 orang pelajar antarabangsa yang terdiri daripada pelbagai kewarganegaraan.

Pemilihan Malaysia sebagai gedung ilmu memberi impak besar ke atas pertumbuhan ekonomi dan secara tidak langsung memperlihatkan perubahan positif dalam sistem pendidikan negara (Devi dan Nair, 2008). Kehadiran pelajar antarabangsa dari pelbagai latar belakang kewarganegaraan, agama, budaya dan sebagainya menjadikan universiti di negara ini bersifat lebih diversiti dan komprehensif (Ragayah dan Liew, 2009). Selain itu, kebanjiran pelajar